

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Malaysia (Mega Kampus)

Hari/Tarikh: 7/3/2016

Muka surat: 20

Tajuk : Unimas lawat Konsulat Jeneral China di Kuching

# Unimas lawat Konsulat Jeneral China di Kuching

Terokai peluang kerjasama antara Unimas dan China



**DR. MOHAMAD KADIM SUAIDI** (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan cenderahati kepada Ji Jun (tiga dari kiri) ketika mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Konsulat Jeneral China di Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

**S**EPULUH pegawai pengurusan kanan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) mengadakan kunjungan hormat ke Konsulat Jeneral China di Kuching sempena pelantikan baharu Konsulnya H.E Lu Ji Jun yang telah menggantikan H.E Liu Quan, baru-baru ini.

Kunjungan delegasi tersebut yang diketuai oleh Naib Canselor Unimas, **Prof. Datuk Dr. Mohamad Kadim Suaidi** disambut oleh Ji Jun dan pegawai-pegawai kanannya.

Menurut Mohamad Kadim, pihaknya berbesar hati dapat berkunjung ke Konsulat Jeneral China di Kuching untuk bertemu Ji Jun, berbincang dan bertukar idea serta menerokai jalinan kerjasama yang boleh diwujudkan antara Unimas dan China.

"Lawatan ke pejabat konsulat China ini amat bermakna kerana kami berpeluang bertemu dengan pegawai-pegawai kanan konsulat untuk memahami dengan lebih mendalam suasana dan sistem serta program akademik yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi yang terkemuka di China," katanya.

Mohamad Kadim memberitahu, China dan Malaysia kini menikmati hubungan bilateral yang kukuh dalam pelbagai bidang termasuklah sektor pengajian tinggi serta faktor tersebut telah menjadikan China sebagai pilihan untuk melanjutkan pengajian termasuk menjalin kerjasama kajian dan penyelidikan.

Disediakan oleh: Olivia Ajan

Bahagian Perancangan Dan Komunikasi Korporat